



# بريتا موزيوم

## BERITA MUZIUM

BILANGAN 1 JILID 40

JANUARI-APRIL 2019

### LIPUTAN

Anugerah Standard Tandas Awam  
ASEAN

Beautiful Pakistan Art & Culture  
Exhibition

Pameran Seni Lukis Sebati Dalam  
Jalanan Warna

### WARISAN

Katarahan Ayam





Pemangku Pengarah Muzium-Muzium  
**Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh**

Pemangku Timbalan Pengarah Muzium-Muzium  
**Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar**

**KETUA-KETUA BAHAGIAN**

Kompleks Taman Warisan Tasek Merimbun /  
Bahagian Ilmu Kejadian  
**Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali ibni Duli  
Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana  
Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah**  
*Kurator Ilmu Kejadian*

Arkib Negara Brunei Darussalam  
**Awang Haji Mohamad Jefri bin Haji Sabli**  
*Pemangku Ketua Pegawai Arkib*

Muzium Alat Kebesaran Diraja  
**Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad**  
*Pegawai Etnologi*

Muzium Brunei /  
Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan  
**Dayang Hajah Siti Norhayatty binti Haji Morni**  
*Pemangku Kurator Pemeliharaan dan Pembaikan*

Muzium Maritim Brunei Darussalam /  
Bahagian Arkeologi dan Monumen  
**Dayang Aminah binti Haji Majid**  
*Kurator Arkeologi*

Muzium Teknologi Melayu /  
Bahagian Etnografi  
**Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani**  
*Kurator Etnografi*

Penyelaras Penerbitan, Stok dan Edaran  
**Awang Haji Raduan bin Haji Ratu  
Dayang Erna binti Omar  
Awang Muhammad bin Yussof  
Dayang Sadiyah binti Haji Awang Ghafar  
Awang Hashim bin Haji Masri  
Awang Haji Zainudin bin Haji Ibrahim  
Dayang Zaleha binti Mat Noor**

Muzium Daerah Belait /  
Bahagian Media dan Pendidikan  
**Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar**  
*Pegawai Perhubungan Awam*

Bahagian Galeri Seni  
**Awang Haji Ilham Rohaidi bin Haji Mashud**  
*Ketua Pegawai Muzium*

Galeri Sukan / Bahagian Perolehan  
**Dayang Nora binti Haji Abd. Kadir**  
*Pegawai Penyelidik Kanan*

Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
**Dayang Hakimah binti Sufian**  
*Ketua Pegawai Muzium*

Bahagian Penyelenggaraan Estet  
**Dayang Noradah binti Nasir**  
*Pegawai Kerja*

Bahagian Perpustakaan  
**Dayang Hajah Rosmina binti Haji Abd. Rahman**  
*Pegawai Perpustakaan*

Reka Bentuk / Hiasan Kulit Luar / Atur Huruf  
Unit Penerbitan dan Pemasaran  
Bahagian Media dan Pendidikan

Dicetak oleh  
Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd

# Kandungan

Bilangan 1 Jilid 40 Januari-April 2019  
Berita Muzium 2019



## 2 GEMA GERGABUS

## 3 LIPUTAN

Anugerah Standard Tandas Awam ASEAN  
Beautiful Pakistan Art & Culture Exhibition  
Pameran Seni Lukis Sebati Dalam Jalinan  
Warna

## 7 RENCANA

Laporan Penempatan Kerja

## 11 WARISAN

Katarahan Ayam

## 14 LAPORAN BENGKEL

Pesta Buku Antarabangsa Muscat, Oman  
2019

## 19 LAPORAN BAHAGIAN

Bahagian Arkeologi dan Monumen  
Arkib Negara Brunei Darussalam  
Bahagian Etnografi  
Bahagian Media dan Pendidikan  
Bahagian Perpustakaan

## 23 LAWATAN-LAWATAN

**33 PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
JABATAN MUZIUM-MUZIUM YANG  
MENGHADIRI KURSUS, SEMINAR,  
BENGKEL**

## 40 AKTIVITI DAN PERISTIWA

# Gema Gergabus

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
Salam Sejahtera

Berita Muzium mula diterbitkan pada tahun 1979, kini usianya menjangkau 40 tahun. Sepanjang penerbitan majalah ini, penyumbang artikel ini telah melalui tiga generasi, *baby boomers*, X, dan Y. Gaya penulisan dan penyelidikan juga melalui perubahan dari segi ejaan dan gaya bahasa. Keluaran kali ini mengetengahkan salah satu warisan yang hampir tidak lagi pernah dilihat oleh generasi sekarang iaitu Katarahan Ayam. Penulisan dan penyelidikan seperti ini amat bermanfaat bagi generasi sekarang terutama generasi Y, Z dan alpha.

Selain itu, Berita Muzium masih mengekalkan formatnya iaitu mendokumentasikan segala aktiviti dan perjalanan jabatan ini. Perkara ini dapat dilihat di ruangan Liputan, Laporan Bahagian dan Aktiviti dan Peristiwa. Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penulis dan penyumbang rencana dalam menjayakan penerbitan majalah ini.

Semoga tahun ini, jabatan ini semakin bergerak secara proaktif dan produktif dalam mutu kerja dan memperluaskan lagi jalinan dan rangkaian kerja dengan agensi tempatan dan luar negara. Selamat menyambut Awal Tahun Masihi 2019.

Sekian, salam hormat dan selamat membaca.

Erna Omar  
Pegawai Penerbitan  
Jabatan Muzium-Muzium



## ANUGERAH STANDARD TANDAS AWAM ASEAN

OLEH: HAJAH MAHANI BINTI HAJI JALIL

Tandas Muzium Teknologi Melayu dan Tandas Taman Warisan Tasek Merimbun, Jabatan Muzium-Muzium mendapat anugerah Standard Tandas Awam ASEAN pertama. Perkara ini dimaklumkan semasa Forum Pelancongan ASEAN 2019 yang telah berlangsung di Ha Long City, Vietnam. Penerima anugerah bagi kategori yang sama ialah Tandas Awam Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Tandas Awam Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, dan Tandas Awam Restoran Horizons Seafood.

Selain daripada Anugerah Standard Tandas Awam ASEAN pertama, Negara Brunei Darussalam juga menerima Anugerah Standard Spa ASEAN pertama, Anugerah Standard Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN kedua dan Anugerah Standard Inap Desa ASEAN ketiga.

Anugerah Standard Spa ASEAN pertama diberikan kepada Trueliving Spa & Studio, The Empire Hotel & Country Club Spa/Day Spa, Essentials Beauty Hair & Nail Spa, Reflection Eco Holistics (B) Sdn. Bhd., dan Cantik Spa Beautyline. Manakala Anugerah Standard Pelancongan Berasaskan Komuniti ASEAN pula diberikan kepada Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga dan Kampung Eko Sumbiling. Anugerah Standard Inap Desa ASEAN ketiga diterima oleh Inap Desa Seri Tanjung, Kampung Sungai Bunga.

Penyampaian anugerah-anugerah berkenaan kepada para penerima di negara telah diadakan pada 14 Februari 2019, di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong. Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali. Mewakili Jabatan Muzium-Muzium untuk menerima anugerah berkenaan ialah Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, Kurator Etnografi selaku Pengurus Muzium Teknologi Melayu, dan Dayang Noriada Emela binti Abdullah, Pegawai Muzium selaku wakil Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun.

Standard Tandas Awam ASEAN telah dibangunkan dengan objektif untuk memastikan kualiti, keselesaan, keselamatan dan pengurusan sisa tandas awam yang betul secara umum di destinasi pelancongan dalam rantau ASEAN.



## BEAUTIFUL PAKISTAN ART & CULTURE EXHIBITION

OLEH: HAJAH MAHANI BINTI HAJI JALIL

Pada 24 Mac 2019, Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam telah mengadakan pameran yang bertajuk "Beautiful Pakistan Art & Culture Exhibition" bertempat di ruang legar, Muzium Teknologi Melayu.

Pameran tersebut diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Kebangsaan Republik Islam Pakistan ke-78 Tahun dan dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta Kaleidoscope Studio.

Perasmian pameran telah disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Pameran tersebut mempamerkan 19 buah lukisan hasil kaligrafi dan landskap oleh Shehla Rehman, salah seorang pelukis wanita terkenal di Pakistan. Beliau telah membuat pameran solonya di 22 buah negara dan kali pertama mempamerkan hasil karya beliau di Negara Brunei Darussalam pada tahun 2016. Dalam semua hasil karyanya, beliau memperlihatkan gaya tersendiri, hasil seninya mempunyai daya tarikan artistik dan puitis.

Beliau juga pernah menangani ketidakadilan keganasan sosial dan jenayah terhadap wanita dan telah mencipta beberapa setem pos untuk negaranya.

Turut hadir, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Republik Islam Pakistan ke Negara Brunei Darussalam, Ahmed Ali Sirohey, duta-duta dan ketua-ketua perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.



## PAMERAN SENI LUKIS SEBATI DALAM JALINAN WARNA

OLEH: AWANG MUHAMMAD KHAIRUN HAZIM BIN HAJI MAT SANI

Dalam usaha Jabatan Muzium-Muzium menyebarkan peranan dan perkembangan seni di Negara Brunei Darussalam, satu lagi pameran seni lukis telah diadakan di Muzium Teknologi Melayu, dengan memaparkan 85 karya seni hasil warga Jabatan Muzium-Muzium. Pameran bertemakan "Sebati Dalam Jalinan Warna" dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula 27 April 2019 hingga 15 September 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pelancaran pameran ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Pemangku Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategi dan Dasar), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, pada 27 April 2019.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Mulia Mohd Zakaria bin Haji Md Salleh, Pegawai Hal Ehwal Masjid. Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Mulia Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh, Pemangku Pengarah Muzium-Muzium selaku Pengerusi Pameran. Beliau berkata, "pameran ini bertujuan untuk membukakan landasan bagi warga jabatan menonjolkan hasil karya masing-masing dan juga sebagai penghargaan kepada mereka dalam menceburi lapangan seni.... Para pelukis yang menyertai dalam pameran ini diketengahkan kerana para pelukis datangnya dari berlainan profesion dan bahagian di Jabatan Muzium-Muzium, yang menunjukkan bahawa kepentingan kerjaya pelukis itu mempunyai signifikan dalam konteks kemajuan dan pembangunan muzium."

Beliau meneruskan ucapannya dengan menyenaraikan "hasil sumbangan warga jabatan kepada pembangunan sektor kerajaan seperti logo rasmi jabatan yang digunakan sehingga hari ini, yang pada asalnya adalah salinan daripada duit Brunei Lama PITIS yang dilukis semula oleh salah seorang pelukis jabatan, iaitu Awang Haji Abdul Wahid bin Haji Hussin. Manakala Logo Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang pada satu ketika dulu, di bawah pentadbiran Jabatan Muzium-Muzium telah direka bentuk oleh Pengiran Haji Hashim bin Pengiran Haji Mohd Jadid, mantan Pengarah Muzium-Muzium.... Pelukis-pelukis dan mantan pelukis jabatan ini, banyak terlibat dalam mereka bentuk setem dan sampul-sampul surat hari pertama, billboard, gerbang-gerbang dan kereta berhias sempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, logo Sukan Asia Tenggara, trofi Kejohanan Bola Sepak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, ilustrasi buku, model, back-drop, takapan, papan tanda penerangan, poster Program Kesedaran Awam dan sebagainya."

Pemangku Pengarah Muzium-Muzium berharap supaya pameran ini akan dapat dimanfaatkan dan dikongsikan sebaik-baiknya oleh para pencinta seni tempatan, para penyelidik, mahasiswa dan mahasiswi pengajian tinggi, penuntut-penuntut sekolah serta orang ramai dan para pelancong yang bertandang ke negara ini.

Pameran Seni Lukis kali ini disertai oleh 38 pelukis Jabatan Muzium-Muzium, sama ada yang masih bertugas, berpindah ke jabatan-jabatan lain mahupun yang telah bersara, juga turut diselitkan beberapa



buah karya seni pelukis jabatan ini yang telah kembali kerahmatullah. Di antaranya pelukis yang menyertai pameran ini ialah Awang Kassim bin Ismail, Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan, Dayang Masnah binti Amit, Awang Alias bin Haji Asat, Awang Haji Rusli bin Haji Kadir, Awang Osman bin Bakir, Awang Muhammad Abdul Wafi bin Haji Mat Salleh, Awang Anuar bin Haji Minggas.



Awang Kassim bin Ismail menerangkan lukisan beliau kepada tetamu kehormat.

Tema pameran ini “Sebati Dalam Jalinan Warna” memberi penekanan terhadap gaya atau stail seni yang dihasilkan oleh setiap pelukis yang menyertai seiring dengan aplikasi jalinan warna dalam membentuk sebuah karya seni lukisan. Gaya atau stail ini telah sebati yang telah menjadi identiti pelukis itu sendiri. Ia dapat dikesan dari pelbagai bentuk seperti penyampaian mesej dan tema, teknik-teknik sapuan berus, adunan warna, yang mewajahkan sesebuah karya seni mereka masing-masing.

Lukisan-lukisan yang dipamerkan akan ditukar dengan lukisan-lukisan yang lain dalam bulan-bulan seterusnya, dengan tujuan untuk memberikan kelainan dalam pameran yang akan diadakan selama lima bulan seterusnya.

Pameran sementara di Muzium Teknologi Melayu ini adalah inisiatif pihak jabatan dalam menambah nilai pameran di muzium selain daripada meningkatkan jumlah pelawat ke muzium-muzium di negara ini.



## LAPORAN PENEMPATAN PELAJAR

OLEH: HAJI BAHRIN BIN HAJI BOLHASSAN

### PENDAHULUAN

Pada Januari hingga April 2019, Muzium Teknologi Melayu serta Bahagian Etnografi menerima tiga orang penempatan yang terdiri daripada seorang graduan dari Universiti Brunei Darussalam; Muhammad Nazhiim bin Zainuddin, jurusan Sociology and Anthropology, tahun 3, dan dua orang penuntut dari IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal; Muhammad Noorasyraf bin Saharuddin dan Nur Amirah Syahirah binti Abdul Hamid, dalam pengajian HNTEC Travel and Tourism. Sepanjang penempatan mereka di Bahagian Etnografi beberapa aktiviti dan kegiatan telah dirancang dan diaturkan sebagai persediaan untuk memasuki alam pekerjaan setelah menamatkan pengajian, khususnya dalam sektor kerajaan.

### TAKLIMAT DAN PENGENALAN DIRI

Sebelum mereka diserahkan ke Bahagian Etnografi untuk menjalani latihan penempatan kerja, mereka terlebih dahulu melaporkan diri serta diberikan taklimat oleh Bahagian Pentadbiran, Jabatan Muzium-Muzium, di bangunan Arkib Negara Brunei Darussalam. Taklimat yang diberikan adalah mengenai undang-undang dan peraturan perkhidmatan awam. Mereka juga dikehendaki menandatangani surat perjanjian kontrak penerimaan penempatan pelajar.

Di Bahagian Etnografi, penempatan pelajar tersebut disuai kenal dengan pegawai dan kakitangan bahagian serta Kurator Etnografi, Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani. Taklimat mengenai Bahagian Etnografi dan Muzium Teknologi Melayu juga disampaikan oleh Kurator Etnografi sendiri dan seterusnya dibawa melawat ke tiga-tiga galeri Muzium Teknologi Melayu.

### KEGIATAN SEBAGAI JURUPANDU

Kerja-kerja sebagai jurupandu, lebih dikenali sebagai “Tour Guide”, telah dilaksanakan oleh para pelajar ini selama tempoh mereka mengikuti latihan dalam penempatan kerja ini. Mereka memberikan taklimat dan penerangan kepada pelawat sekolah mengenai koleksi-koleksi yang terdapat di galeri-galeri pameran Muzium Teknologi Melayu. Para pelatih penempatan kerja ini juga memberi bantuan untuk bermain alat-alat permainan Melayu tradisional yang ditempatkan di ruang legar Muzium Teknologi Melayu.



Dalam tempoh masa mereka menjalani latihan penempatan kerja ini, mereka telah mengiringi empat buah sekolah yang membuat lawatan sambil belajar ke Muzium Teknologi Melayu, iaitu Sekolah Antarabangsa Jerudong, Politeknik Brunei, Sekolah Antarabangsa Panaga, Kuala Belait, dan Sekolah Tinkerbell, Bandar Seri Begawan.

#### AKTIVITI BANDARKU CERIA

Pada 24 Februari 2019, para pelajar penempatan kerja telah mengikuti pameran dan tunjuk ajar permainan tradisi Brunei dalam program BandarKu Ceria sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35 tahun, yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin. Bahagian Etnografi telah mengambil bahagian dalam pameran tersebut dan tunjuk ajar permainan tradisi disampaikan oleh kakitangan Bahagian Etnografi dan pelajar penempatan kerja. Permainan yang dipamerkan dan dimainkan ialah permainan salok-salokan, permainan lapas-lapas, permainan gatah, permainan tilu-tilan, permainan congkak, dan permainan pasang. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan berangkat dan menyaksikan pameran oleh Jabatan Muzium-Muzium.

#### LAWATAN KE TAMAN WARISAN TASEK MERIMBUN

Pada 6 Mac 2019, para pelajar penempatan kerja telah dibawa melawat ke Taman Warisan Tasek Merimbun, Mukim Rambai, Tutong, bersama dengan pegawai dan kakitangan Bahagian Etnografi. Lawatan dimulakan dengan singgah ke Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong yang hanya dibuka pada setiap hari Khamis. Tujuan ke sini adalah untuk meninjau latar belakang sosio-ekonomi orang tempatan yang berbilang kaum dan etnik.

Setiba di Taman Warisan Tasek Merimbun, para pelajar penempatan kerja disambut oleh kakitangan Taman Warisan Tasek Merimbun, mereka diberi penerangan tentang Taman Warisan Tasek Merimbun dan latar belakang taman tersebut. Selesai penerangan, mereka dibawa melawat ke galeri pameran yang mempamerkan binatang-binatang eksotik yang hanya terdapat di Tasek Merimbun serta hasil kraf tangan etnik Dusun.



Sesudah itu, mereka dibawa ke denai hutan Tasek Merimbun diiringi oleh Renjer Taman Warisan Tasek Merimbun. Sebelum dibawa masuk ke kawasan denai, mereka terlebih dahulu diberi penerangan tentang peraturan dan tata tertib ketika berada di denai tersebut.



Kemudian mereka dibawa ke Taman Kulimambang. Pelbagai jenis kulimambang yang dikenal pasti di dalam taman tersebut serta secara langsung dapat belajar serba sedikit tentang kehidupan kulimambang.

Setelah selesai lawatan di Taman Warisan Tasek Merimbun, tempat terakhir yang mereka lawati ialah perusahaan sagu bertempat di Kampong Ukong, Tutong. Di sini mereka diberi penerangan mengenai proses pembuatan sagu atau dalam bahasa Brunei yang dikenal sebagai "Ambulong".



#### PENYELIDIKAN MEMBURIS PERAHU

Pada 9 Mac 2019, para pelajar penempatan kerja dibawa membuat temu ramah penyelidikan mengenai memburis perahu, rombongan penyelidikan diketuai oleh Haji Bahrin bin Haji Bolhassan, Pegawai Penyelidik, bersama Dayang Azura binti Haji Asli, Pembantu Muzium. Rombongan menggunakan perahu tambang menuju ke rumah informan; Awang Haji Moktal bin Haji Naning, di Kampong Pekan Lama, Kampong Ayer. Temu bual dilaksanakan oleh Awang Muhammad Nazhiim bin Zainuddin, mengenai kaedah / teknik memburis perahu di samping latar belakang dan pantang larang semasa memburis perahu. Sementara Muhammad Noorasyraf bin Saharuddin dan Nur Amirah Syahirah binti Abdul Hamid membuat penggambaran dan catatan semasa aktiviti dijalankan.

Pada 19 Mac 2019, Dayang Azura binti Haji Asli, Pembantu Muzium berserta tiga orang pelajar penempatan kerja telah menemu bual seorang lagi pemburis perahu, Awang Haji Sufian bin Awang Haji Razali, di Kampong Setia, Kampong Ayer.



**AKTIVITI-AKTIVITI LAIN**

Sepanjang pelajar penempatan kerja berada di Muzium Teknologi Melayu, mereka juga ikut serta dalam pelbagai majlis yang dijalankan, antaranya majlis membaca surah Yassin serta Tahlil setiap hari Khamis, setiap pelajar penempatan kerja diberi peluang untuk mengetuai majlis ini. Selain itu, mereka juga mengikuti kempen kebersihan bangunan Muzium Teknologi Melayu, penyediaan sebelum pameran anjuran Kedutaan Republik Islam Pakistan; kerja-kerja penyediaan pameran termasuk mengangkat kerusi VIP dan pembersihan kawasan pameran.

Pada 27 Mac 2019, pelajar penempatan kerja menerima sijil penghargaan daripada Kedutaan Republik Islam Pakistan sempena pameran “Beautiful Pakistan Art & Culture Exhibition” pada 22–30 Mac 2019, di atas sumbangan menjayakan pameran berkenaan.

**PEMBENTANGAN PENGALAMAN**

Pada 13 April 2019, Muhammad Nazhiim bin Zainuddin, telah membentangkan taklimat kepada sebahagian pegawai dan kakitangan Bahagian Etnografi dan Atendan Muzium Teknologi Melayu. Pembentangan beliau ialah mengenai aktiviti dan tugas yang diberikan semasa beliau menjalankan penempatan kerja selama tiga bulan di Bahagian Etnografi. Sesi soal jawab mengakhiri pembentangan tersebut.

**PENUTUP**

Selama tiga bulan pelajar penempatan kerja di Bahagian Etnografi serta Muzium Teknologi Melayu, banyak sumbangan para pelajar ini berikan dari segi pekerjaan teknikal serta kerja-kerja penyelidikan. Kerja-kerja yang diberikan diharap akan dapat dimanfaatkan sekiranya pelajar-pelajar ini sudah menceburi bidang pekerjaan suatu masa nanti. Bagi Bahagian Etnografi pula, dengan adanya pelajar penempatan kerja ditempatkan di bahagian ini dapatlah memberikan ilmu serta pengalaman kepada mereka serta dapat membantu dan meringankan tugas-tugas pegawai dan kakitangan.

**KATARAHAN AYAM**

OLEH: DAYANG HAJAH RUDIAH BINTI HAJI IBRAHIM

**Pengenalan**

Selain bercucuk tanam, masyarakat darat pada zaman dahulu malah sehingga ke hari ini juga gemar berternak ayam. Ayam memang menjadi binatang peliharaan sejak zaman dahulu terutama ayam kampung. Kebanyakan rumah masyarakat kampung dahulu, terutamanya masyarakat Kedayan mempunyai katarahan ayam<sup>1</sup> di setiap rumah kediaman mereka. Katarahan ayam merupakan salah satu warisan seni kraf tangan yang dihasilkan berasaskan daripada buluh.

Ayam dan telurnya adalah makanan yang sukar untuk dinikmati pada zaman dahulu, menu ini hanya dihidangkan pada hari-hari tertentu, seperti Makan Tahun, sambutan Hari Raya ataupun apabila keluarga berkunjung ke kampung halaman mereka.

Setiap ayam betina yang bertelur dengan banyak dapat menyumbang sumber pendapatan kepada penternak berkenaan. Sebab itulah, ayam betina lazimnya tidak disembelih dan tidak dimakan kerana ayam berkenaan digunakan untuk pembiakan. Boleh dikatakan, ayam merupakan binatang yang paling rapat dengan masyarakat darat.

Sebelum sistem kurungan yang dikenali sebagai “reban ayam” digunakan, sebahagian besar penduduk kampung berternak ayam mereka secara terbuka dan terbiar. Mereka hanya menyediakan tempat khas yang dipanggil “katarahan ayam” iaitu sebagai sarang tempat ayam bertelur, mengeram dan menetas.

**PERALATAN DAN BAHAN UNTUK KATARAHAN**

Peralatan asas untuk membuat katarahan ayam ini adalah parang dan pisau. Manakala bahan untuk membuat katarahan ayam ialah buluh baloi (*Gigantochloa balui* (*Gramineae*)), rotan, jerami padi atau daun pisang yang kering.


**Buluh**

Buluh (*Bambusa* Sp) merupakan tumbuhan yang banyak terdapat di Negara Brunei Darussalam. Buluh juga merupakan salah satu bahan yang dianggap penting dalam kegiatan penternakan tradisional. Sifatnya yang mudah dibentuk membolehkannya digunakan untuk membina reban ayam, katarahan ayam, pagar ternakan dan sebagainya.

Untuk membuat katarahan ayam, pemilihan buluh yang bersesuaian adalah amat penting, lazimnya buluh yang digunakan untuk membuat katarahan ayam ialah buluh baloi kerana buluh berkenaan lebih kukuh dan tahan lama berbanding dengan buluh jenis lain.

Buluh baloi yang berukuran besar iaitu dalam ukuran 3 ruas buluh bersamaan dengan 3 meter panjang adalah sesuai untuk pembuatan katarahan ayam. Penebangan yang baik biasanya dilakukan pada musim panas kerana pada musim begini buluh mempunyai kandungan kanji yang rendah. Selain itu, pembiakan bubukan<sup>2</sup> juga tidak begitu aktif pada musim panas.

- 1 Katarahan tempat ayam bertelur atau mengeram, ianya dibuat daripada buluh yang bahagian hujungnya dibelah-belah dan dijalin menggunakan rotan serta dibentuk menjadi bulat, kemudian dialas dengan jerami padi, daun kering dan sebagainya.
- 2 kayu yang reput atau rosak kerana dimakan bubuk iaitu binatang kecil berupa kumbang yang suka makan kayu.



Buluh yang sudah siap dipotong direndam selama seminggu. Proses ini bertujuan untuk mengeluarkan kandungan kanji dan gula yang terdapat di dalam buluh supaya tidak dimakan bubuk dan akan lebih tahan lama. Kaedah biasa yang digunakan bagi mengawet buluh ialah dengan merendamnya di dalam air ataupun dengan cara pemanasan di atas api. Kaedah ini dapat memanjangkan jangka hayat buluh berbanding dengan buluh yang tidak diawet. Tujuan penyalaian buluh tersebut adalah untuk memudahkan bilah-bilah buluh berkenaan dilentur dan tidak mudah patah. Di samping itu juga menghindarkan daripada serangan mikro-organisma dan serangga perosak, seperti kumbang, bubuk, anai dan kulat.

#### PROSES PEMBUATAN KATARAHAN AYAM

Setelah kerja-kerja penyalaian selesai dijalankan, satu ruas buluh di bahagian atas dibelah kepada beberapa belahan kecil selebar satu inci setiap satu. Kemudian bilah-bilah kecil sama ada lapan belas atau dua puluh dua bilah diraut pada bahagian atas sahaja. Bilah-bilah tadi dihalusi dan diraut kemudian dilentur berbentuk bulat. Selepas itu bahagian hujung atas bilah-bilah tadi dijalin menggunakan tali rotan. Kemudian bilah-bilah yang telah dijalin dibuka dan dikembangkan secara perlahan-lahan supaya kesemua bilah bahagian atas melengkung sehingga berbentuk kelihatan seperti payung. Apabila sudah selesai, katarahan ayam berkenaan diikat pada tiang di bawah rumah di bahagian kawasan bawah dapur. Kemudiannya katarahan ayam itu dilapisi pula menggunakan jerami padi dan daun pisang kering supaya telur-telur ayam dapat membiak dengan baik.



Katarahan Ayam yang telah siap diikat pada tiang di bawah rumah di bahagian kawasan bawah dapur.

Pada masa kini katarahan ayam tidak lagi digunakan kerana masyarakat kampung lebih gemar menggunakan reban ayam yang moden dan mudah untuk melindungi ternakan ayam mereka daripada gangguan musuh dan cuaca buruk. Selain itu mereka juga menggunakan sistem yang lebih maju bagi proses pengeluaran telur dan daging ayam untuk membantu menjana ekonomi kehidupan mereka.

#### KESIMPULAN

Jika diteliti secara mendalam, pemikiran saintifik dan perkiraan dalam masyarakat kampung khususnya masyarakat Kedayan dahulu sememangnya tersirat di dalam gubahan dan corak yang sangat halus dan seni yang mereka hasilkan.

Masyarakat kini juga perlu memainkan peranan dalam mempertahankan dan memelihara warisan budaya negara terutama peralatan kraf tangan tradisional bagi melestarikan semula seni warisan budaya negara. Dengan kata lain menurunkan kemahiran kepada kumpulan pelapis agar seni kraf warisan berkenaan mempunyai kesinambungan.

Memandangkan penggunaan katarahan ayam di negara ini telah pupus, Jabatan Muzium-Muzium Brunei telah mengambil inisiatif dengan mempamerkan teknologi tujuh etnik yang ada di negara ini, termasuklah katarahan ayam. Dengan itu, generasi yang tidak berkesempatan melihat katarahan ayam berkenaan bolehlah berkunjung ke Muzium Teknologi Melayu, Dewan 3, Rumah Tradisi Puak Kedayan.

Penubuhan Muzium Teknologi Melayu sedikit sebanyak telah menonjolkan teknologi yang dicipta oleh masyarakat Kedayan dan lainnya, dalam masa yang sama berfungsi sebagai pusat bagi melindungi, memelihara dan mempertahankan seni warisan tradisional ini.



#### RUJUKAN

Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003. *Kamus Bahasa Melayu NUSANTARA edisi kedua*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam.

## PESTA BUKU ANTARABANGSA MUSCAT, OMAN 2019

OLEH: ERNA BINTI OMAR

### PENDAHULUAN

Pesta Buku Antarabangsa Muscat 2019 ke-24 diadakan di *Oman Convention and Exhibition Centre* (OCEC), Kesultanan Oman. Perasmian pesta buku tersebut diadakan pada 20 Februari 2019 jam 7 malam di tempat yang sama dan mula dibukakan untuk kunjungan orang ramai pada 21 Februari 2019 hingga 2 Mac 2019 mulai jam 10 pagi hingga 10 malam, kecuali pada hari Jumaat, dibukakan dari 4 petang hingga 10 malam. Penyertaan ini adalah kali ke-6 yang disertai oleh Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas dasar Memorandum Persefahaman antara Negara Brunei Darussalam dan Kesultanan Oman. Tiga jabatan di bawah kementerian ini mewakili bagi pihak kementerian setiap tahun secara bergilir; Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah Brunei dan Jabatan Muzium-Muzium. Penyertaan tahun ini diwakili oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Muzium-Muzium.

Sebanyak 882 penyertaan dari syarikat penerbit dan toko-toko buku dari 30 buah negara menyertai pesta buku ini. China, Canada, Sri Lanka dan Bulgaria menyertainya buat kali pertama pada tahun ini. Pada tahun ini, beberapa kemudahan seperti kafe, surau, klinik kesihatan, perkhidmatan pos serta mesin kemudahan pengeluaran wang, *automated teller machine* (ATM) telah disediakan untuk keselesaan dan kemudahan para pengunjung.

### OBJEKTIF

Di antara objektif penyertaan ini ialah bagi mempromosi, mempamerkan dan menjual buku terbitan Negara Brunei Darussalam di samping membuka peluang untuk bertemu dan berinteraksi bersama pengedar, pustakawan, pencinta buku dan masyarakat umum di bawah satu bumbung khususnya di rantau timur tengah. Penyertaan ini secara umumnya mempromosi Negara Brunei Darussalam kepada masyarakat setempat.

### PESTA BUKU

Penerapan budaya membaca dan daya apresiasi terhadap buku jelas kelihatan di kalangan masyarakat Oman kerana rata-rata pengunjung membawa beg trolley milik persendirian walaupun pihak penganjur juga ada menyediakan beg trolley untuk disewa bagi memudahkan para pembeli membawa buku ke kenderaan.

Terdapat pekerja khas disediakan untuk khidmat mengangkat buku yang dibeli oleh pengunjung serta sukarelawan yang dikhaskan untuk mengiringi pengunjung untuk mencari gerai buku atau buku-buku yang dikehendaki.

*Book Vending Machine* juga ada disediakan dan diletakkan di kawasan lobi OCEC.

Sepanjang pesta buku tersebut, video mengenai 'Muziumku Warisanku' dan Permainan Tradisional Brunei ditayangkan sebagai salah satu medium untuk mempromosikan muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium-Muzium dan memperkenalkan permainan tradisi Brunei. Permainan yang ditayangkan ialah Salok-Salokan, Bua Lapas-Lapas, Pasang, Congkak, Kayu Tiga dan Lompat Getah.

Di antara pameran yang diadakan ialah Pameran Fotografi dengan tema 'READ' di lobi OCEC. Pameran ini dianjurkan oleh Persatuan Fotografi Oman dengan memfokuskan buku dan bahan bacaan sebagai elemen yang penting dalam pendidikan.



Petak jualan Negara Brunei Darussalam.



Di antara buku yang dijual di pesta buku tersebut.



Trolley yang disediakan untuk disewa bagi memudahkan pengunjung membeli buku.



Book vending machine.



Sudut bagi aktiviti kanak-kanak, murid-murid dan penuntut sekolah.



Pameran fotografi yang mempamerkan foto orang membaca dari pelbagai peringkat umur.


### The Dar Al Atta'a 'Lets Read Center'

Terletak di Kompleks Membeli Belah, Ocean Avenue Mall. Buku yang terdapat di sini adalah hasil sumbangan orang ramai. Buku-buku ini dijual dengan harga serendah OMR1 sahaja. Akan tetapi hanya buku kulit lembut (*softcover*) sahaja dijual, manakala buku kulit keras (*hardcover*) hanya untuk bacaan di sana sahaja. Hasil jualan akan disumbangkan ke 'Maktabati' iaitu Perpustakaan Bergerak Oman yang pertama. Satu tempat khas 'book drop' untuk mendermakan buku-buku terpakai juga disediakan di kedai tersebut dan di Pesta Buku.



### Children's Library Bus & Charity Book Shop

Terletak di Qurum (Qurum). Perpustakaan dan kedai buku ini juga terletak di Kompleks Membeli Belah, Ocean Avenue Mall. Selain menjual buku seperti lazimnya yang dibuat oleh kedai buku, juga disediakan bilik perpustakaan berbentuk sebuah bas.



Konsep perpustakaan dan kedai buku ini amat bagus untuk menerapkan budaya membaca dan menarik minat golongan muda terutama kanak-kanak untuk berkunjung.

### Children's Public Library

Perpustakaan dikhususkan untuk kanak-kanak hingga remaja. Terbahagi pada dua seksyen, satu seksyen untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 7 tahun manakala satu seksyen lagi khusus untuk yang berumur 8 hingga 17 tahun. Waktu melawat perpustakaan ialah Ahad sehingga Khamis mulai jam 10 pagi hingga 3 petang, Sabtu 10.30 pagi hingga 5.30 petang manakala pada hari Jumaat pula tidak dibuka untuk lawatan.

### Oman National Museum

Terletak di Muscat. Muzium ini mempunyai 14 galeri; *The Land and the People, Maritime History, Arms and Armour, Civilisation in the Making, Aflaj, Currency, Timeline, Bat, al-Khutm and al-Ayn, Land of Frankincense, Prehistory and Ancient History, Splendours of Islam, Oman and the World, The Renaissance* dan *Intangible Heritage*.

Penerangan pameran, papan tanda, buku panduan, semua disediakan secara *bilingual* iaitu bahasa Arab dan Inggeris.

Beberapa kemudahan juga disediakan bagi pengunjung seperti bilik sembahyang, *lift*, *audio video theatre*, Bilik Penjagaan Kanak-Kanak, kedai hadiah dan kafeteria. Muzium ini juga mempunyai *lift* dan tandas yang khas untuk pengunjung yang berkeperluan khas. Setiap sudut galeri ada disediakan kerusi (*folding stools*) untuk berehat.

Waktu lawatan dibuka setiap hari mulai 10 pagi hingga 5 petang kecuali Jumaat, bermula 2 petang hingga 6 petang. Bayaran masuk bagi pelawat luar negeri adalah sebanyak OMR5 (BND18-20) dan pembayaran hanya boleh dibuat melalui *card payment*.



Ruang komen dan cadangan.



Kafeteria.



Antara kemudahan yang disediakan.

### Qasr Al-Alam Palace

Terletak di Muscat, berdepanan dengan Oman National Museum. Istana ini digunakan untuk mengadakan majlis rasmi dan menyambut pembesar-pembesar dari luar negara.



### Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-35 tahun

Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam kali ke-35 tahun diadakan pada 22 Februari 2019, hari Jumaat 5.45 petang di Kediaman Rasmi Duta Besar Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Haji Suhaini bin Haji Besar.

Pada 27 Februari 2019, Rabu 7.00 malam, Sambutan Hari Kebangsaan diraikan di Grand Hyatt Plaza Hotel.



Antara jemputan yang hadir di Grand Hyatt Plaza Hotel.



Di kediaman rasmi Duta Besar Negara Brunei Darussalam.



Bergambar ramai bersama warga Negara Brunei Darussalam yang berada di Kesultanan Oman.

### Kesimpulan

Penyertaan pesta buku ini membolehkan kita untuk memperluaskan rangkaian kerja (*networking*) dengan penerbit dari luar negeri supaya buku terbitan Negara Brunei Darussalam dapat menembusi pasaran global. Negara Brunei Darussalam masih ketinggalan dari segi pemasaran atas talian dan penerbitan elektronik (*e-pub*) berbanding negara lain, contoh saja jabatan ini masih perlu memasarkan buku '*printed material*'. Selain dari mempromosikan buku terbitan, sekali gus mempromosikan muzium-muzium yang terdapat di negara ini dan mengenalkan Negara Brunei Darussalam, terutamanya di rantau lain, sekali gus dapat menarik minat untuk melancong ke Negara Brunei Darussalam.

## Bahagian Arkeologi dan Monumen

OLEH: DAYANG HAJAH ROZIAH BINTI HAJI ANAK

Di sepanjang bulan Januari hingga April 2019, bahagian ini menjalankan kerja-kerja penyelidikan, pengawasan, termasuk pembersihan tapak arkeologi, menerima lawatan-lawatan dan penempatan pelajar dari Universiti Brunei Darussalam dan IBTE; Awang 'Abdul 'Azeem bin Awang Mohamad, pelajar dari IBTE, Kampus Sultan Saiful Rijal dari 2 Januari 2019 hingga 31 Mac 2019.

### PENYELIDIKAN

Pada 13 Februari 2019, penyelidikan di Sekolah Melayu Kasat. Penyelidikan dimulakan dengan mencari lokasi asal sekolah berkenaan bagi penyelidikan susulan. Menurut Guru Besar Sekolah Rendah Kasat, Awang Mohd Hashnal Hakim bin Haji Muhd Halim, sekolah yang terdahulu dibina pada tahun 1937, iaitu bangunan sementara (bangunan kajang) telah roboh, yang tinggal pada masa ini hanyalah tapak sekolah berkenaan yang ditumbuhi pokok-pokok, kira-kira 1 kilometer dari sekolah yang ada pada masa ini. Manakala pada 1 Mac 2019, lawatan kerja bersama penempatan pelajar bertujuan untuk mengetahui sejarah bangunan sekolah dan membuat lawatan ke Galeri Warisan yang terletak bersebelahan dengan sekolah tersebut.



Bersama Guru Besar Sekolah Rendah Kasat Brunei IV, Awang Mohd Hashnal Hakim bin Haji Muhd Halim dan penduduk kampung yang terlibat dalam mengungkayahkan terbinanya Galeri Warisan di sekolah tersebut.

Galeri Warisan, Sekolah Rendah Kasat Brunei IV dirasmikan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, pada 23 Jun 2008. Penubuhan galeri ini adalah bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Sekolah Rendah Kasat. Bangunan galeri ini pada asalnya adalah rumah guru, telah diubah suai untuk dijadikan sebuah galeri.

### PENGAWASAN TAPAK-TAPAK

#### Tapak Kota Batu

Pembersihan dilakukan pada 28 dan 30 Januari serta 13 Februari 2019. Pembersihan adalah bagi menjaga dan memelihara laluan tapak, pemotongan pokok tumbang. Pembersihan dilakukan bersama penempatan pelajar dari Bahagian Arkeologi dan Monumen dan Bahagian Etnografi.



#### Tapak Sungai Limau Manis

Pada 19 Januari 2019 dan 20 April 2019, Bahagian Arkeologi dan Monumen bersama penempatan pelajar membuat kerja-kerja pembersihan, membuat kutipan bahan bagi menambah pengetahuan dan mengenali sejarah tapak ini. Tapak ini diwartakan pada tahun 2006.



#### Tapak Arang Batu

Kerja-kerja rutin pembersihan dilakukan oleh pegawai dan kakitangan Bahagian Arkeologi dan Monumen bersama penempatan pelajar di bahagian ini pada 19 Februari 2019.



Tapak Industri Getah Labu Estet

Lawatan kerja serta pemantauan bersama penempatan pelajar di Bahagian Arkeologi dan Monumen serta Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan pada 26 Mac 2019. Kerja-kerja pembersihan juga dilakukan.



Sebelum kerja-kerja pembersihan.



Selepas kerja-kerja pembersihan.

Aktiviti bagi Penempatan Pelajar

Membuat lawatan sambil belajar ke monumen-monumen di Daerah Tutong yang telah diwartakan, seperti bekas Bangunan Pejabat Daerah Tutong dan Mahkamah-Mahkamah Kerajaan, Jeti Kuala Tutong, Istana Pantai, dan Taman Warisan Tasek Merimbun, Daerah Tutong, pada 14 Februari 2019.

Lawatan ke Tugu Peringatan Bangar, Daerah Temburong pada 26 Mac 2019. Satu-satunya tugu yang didirikan di Negara Brunei Darussalam bagi mengenang jasa perwira-perwira negara yang terkorban dalam mempertahankan kedaulatan Negara.



**BANGUNAN MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM**

Kerja-kerja pemotongan pokok di bahagian luar bangunan dilakukan oleh Syarikat Brentville bagi membina pemandangan Bangunan Muzium Maritim Brunei Darussalam pada 21 Februari 2019. Manakala tandas-tandas awam juga dilakukan pembaikan.



Pada 25 Februari 2019, kerja-kerja bagi pembinaan garaj letak kereta di kawasan belakang Bangunan Muzium Maritim Brunei Darussalam.



Garaj yang telah siap dibina pada 7 Mac 2019.

**AKTIVITI LAIN**

Pada 27 Februari hingga 7 Mac 2019, dua orang kakitangan bahagian ini dan penempatan pelajar memberikan kerjasama kepada Bahagian Media dan Pendidikan bagi menjaga petak jualan buku terbitan Jabatan Muzium-Muzium dalam Pesta Buku Brunei 2019 yang diadakan di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Pada 25 Mac 2019, Bahagian Arkeologi dan Monumen terlibat mengikuti projek bersama Pusat Sejarah iaitu menyusun semula Tambak dan Batu Nisan Makam Sultan Mohd Ali' bersama kontraktor bagi kerja-kerja mengangkat dan memindah batu-batu nisan tersebut.

Pada 30 Mac 2019, pembentangan hasil penempatan kerja Awang 'Abdul 'Azeem bin Awang Mohamad, pelajar dari IBTE, Kampus Sultan Saiful Rijal. Penyampaian sijil penghargaan disampaikan oleh Dayang Hajah Nur Kamillah binti Haji Ismail, Pemangku Kurator Arkeologi.

Pada 8 April 2019, Bahagian Arkeologi dan Monumen mengadakan perjumpaan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pusat Sejarah Brunei mengenai kubur-kubur di Bukit Salat.

Pada 9 April 2019, perbincangan dengan *lecturer* dari Oxford mengenai *archaeological survey* di Brunei, iaitu Dr Michael Fenner bersama pegawai dan kakitangan Pusat Sejarah Brunei. Seterusnya melawat Tanah Perkuburan Islam Syarif Alwi Diraja Junjungan, dan membuat penyelidikan ke Perkuburan Islam Ujong Bukit dan Tapak Sungai Limau Manis.



Pada 10 April 2019, penggalian hari pertama dijalankan dengan membersihkan tiga buah petak yang telah dipilih, iaitu petak J14, K14 dan L14. Kerja-kerja merekod juga dilakukan pada perubahan lapisan dinding tanah dan kedudukan setiap penemuan nanti.

Pada 13 April 2019, pembentangan hasil penempatan dari pelajar-pelajar dari Universiti Brunei Darussalam di Bahagian Arkeologi dan Monumen dan penyampaian sijil telah disampaikan oleh Pemangku Kurator Arkeologi, Dayang Hajah Nur Kamillah binti Haji Ismail.



Penyampaian sijil kepada tiga penempatan pelajar yang ditempatkan di Bahagian Arkeologi dan Monumen iaitu Dayang Nurin Jazlina @ Siti Nor Ikhsan binti Haji Abd Ghani, Dayang Sariyah binti Ramlan, dan Muhammad 'Izzat Azizi bin Haji Muhd Arshad.

## Arkib Negara Brunei Darussalam

OLEH: ZUL HILMI BIN HAJI MOHD ZAIN  
HAJI MUHAMMAD RUZAINI BIN HAJI MUHAMMAD DAUD

Penilaian rekod adalah proses meneliti rekod-rekod yang dihadapkan ke Arkib Negara Brunei Darussalam. Rekod-rekod akan diteliti sama ada ianya mengandungi nilai rujukan ataupun sebaliknya. Jika rekod-rekod berkenaan mempunyai nilai rujukan maka akan menjadi simpanan Arkib Negara Brunei Darussalam, tetapi jika sebaliknya maka pemusnahan rekod berkenaan akan dijalankan.

Pemusnahan rekod adalah penghapusan rekod-rekod jabatan kerajaan yang telah diberikan kebenaran oleh Arkib Negara Brunei Darussalam kepada jabatan-jabatan kerajaan setelah penelitian dan penilaian rekod dijalankan. Pemusnahan rekod berkenaan dijalankan dengan cara ditanam fail-fail atau dokumen-dokumen tersebut ke dalam tanah menggunakan jentera berat. Pemusnahan tersebut dijalankan di Tapak Pembuangan Sampah, Sungai Paku, Daerah Tutong.

Dari Januari hingga April 2019, Arkib Negara Brunei Darussalam telah menjalankan tiga penilaian rekod jabatan-jabatan kerajaan yang memohon bagi pelupusan rekod, manakala empat pemusnahan rekod telah dilaksanakan dan disaksikan bagi pengesahan oleh wakil dari Arkib Negara Brunei Darussalam.



Pemusnahan rekod-rekod dari Jabatan Bandaran Tutong sedang dilaksanakan. Rekod-rekod yang dimusnahkan dimasukkan ke dalam lubang sebelum ditimbus dengan tanah menggunakan jentera berat.

Jabatan-Jabatan yang memohon penilaian rekod sepanjang Januari hingga April 2019.

Bulan	Kementerian / Jabatan
Januari	Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan
April	Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Brunei Intellectual Property Office (BruIPO)

Kementerian / Jabatan yang menjalankan pemusnahan sepanjang Januari hingga April 2019.

Tarikh	Kementerian / Jabatan
10 Januari	Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
17 Januari	Jabatan Bandaran Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
14 Februari	Kementerian Pembangunan
7 Mac	Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan

Pada 7 Februari 2019, 13 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Pendidikan Ko-Kurikulum yang mengikuti Kursus Pengendalian Fail dan Rekod, diketuai oleh Dayang Hajah Dangsyukrinah binti Haji Othman, Pegawai Pelajaran, mengadakan lawatan ke Arkib Negara Brunei Darussalam, bertujuan untuk mengetahui dengan lebih lanjut peranan Arkib Negara Brunei Darussalam dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengurusan rekod-rekod kerajaan seperti pelupusan rekod, pemusnahan rekod, pemindahan serta penyediaan perkhidmatan rujukan bahan-bahan arkib kepada orang ramai. Lawatan dimulakan dengan taklimat mengenai peranan dan tugas Arkib Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Awang Zul Hilmi bin Haji Mohd Zain, Pegawai Arkib, seterusnya dibawa melawat ke Unit Pengurusan Rekod serta Unit Penyelidikan, Akses dan Rujukan.



Peserta diberikan penerangan semasa melawat ke Unit Penyelidikan, Akses dan Rujukan. Gambar selepas menamatkan lawatan ke Arkib Negara Brunei Darussalam.

Dalam tempoh empat bulan pertama tahun 2019, jumlah penyelidik yang melakukan penyelidikan, kajian dan merujuk bahan-bahan rekod arkib adalah seramai 167 orang. Penyelidik terdiri daripada pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, penuntut dari institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), penyelidik persendirian dari dalam dan luar negara. Penyelidik dari luar negara adalah dari Amerika Syarikat dan Negeri Sarawak.

Bulan	Kementerian/Jabatan	Penuntut	Persendirian	Swasta	Jumlah
Januari	21	3	9	2	26
Februari	34	9	7	3	53
Mac	38	22	3	-	63
April	17	5	3	-	25
Jumlah Keseluruhan					167

Jumlah penyelidik bagi bulan Januari hingga April 2019 mengikut kategori.

Bagi menjalankan peruntukan Bab 5 dalam Akta Arkib Negara Brunei Darussalam 1975, Penggal 116, Edisi Semakan 1983, satu lembaga penasihat yang dipanggil Lembaga Penasihat Arkib Negara Brunei Darussalam perlu diadakan bagi memberikan nasihat dan pandangan kepada Pengarah Arkib Negara bagi menjalankan pentadbiran dan pengurusan Arkib Negara Brunei Darussalam. Pada 23 Januari 2019, Lembaga Penasihat Arkib Negara Brunei Darussalam bagi sesi ke-15 telah bersidang untuk membincangkan perkara-perkara yang berbangkit untuk memperbaiki pengurusan institusi Arkib Negara Brunei Darussalam. Ahli-ahli Lembaga Penasihat bagi sesi ke-15 ini adalah terdiri daripada Pemangku Pengarah Muzium-Muzium sebagai Pengerusi serta lima orang ahli-ahli yang lain, iaitu Pengarah Radio Televisyen Brunei, Wakil Peguam Negara, Pengarah Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Wakil Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik) Universiti Brunei Darussalam.



## Bahagian Etnografi

OLEH: HAJI MUHD SUFYAN IRSYADUDDIN BIN ABDULLAH

Aktiviti-aktiviti Kempen Kebersihan di Muzium Teknologi Melayu (MTM).

Bahagian Etnografi bertanggungjawab dalam memelihara kebersihan keadaan sekeliling bangunan Muzium Teknologi Melayu, sama ada di luar mahupun di dalam bangunan. Dalam usaha Muzium Teknologi Melayu mendapat sambutan lawatan pelancong, Bahagian Etnografi mengadakan kempen kebersihan bangunan Muzium Teknologi Melayu, yang merupakan aktiviti rutin yang sering dilakukan oleh pegawai dan kakitangan bahagian ini. Ini bertujuan agar Muzium Teknologi Melayu sentiasa dalam keadaan bersih, selain untuk mengekalkan Grade 'A' Anugerah Standard Tandas Awam (Asean Public Toilet Standard 2019-2021). Aktiviti ini dilaksanakan pada 29 Disember 2018, 26 Januari 2019, 28 Februari 2019, dan 22 Mac 2019. Dengan adanya kegiatan seperti ini dapat memberikan rasa tanggungjawab kakitangan bahagian ini tentang pentingnya kebersihan di tempat kerja dan meningkatkan kualiti kebersihan bangunan Muzium Teknologi Melayu.



Selain itu, Bahagian Etnografi juga mengadakan majlis tahlil pada 2 Mei 2019.



Sepanjang Januari hingga April 2019, dua pameran sementara telah dan masih berlangsung di Lobi Muzium Teknologi Melayu. Pameran-pameran tersebut adalah Beautiful Pakistan Art and Culture Exhibition, yang telah diadakan pada 24 Mac hingga 3 April 2019, dan Pameran Seni Lukis Sebati Dalam Jalinan Warna yang berlangsung dari 27 April hingga 17 September 2019.

## Bahagian Media dan Pendidikan

OLEH: MARIANI BINTI HAJI ABU BAKAR  
HAJI MAHRIN BIN HAJI ABAS  
MUHAMMAD BIN YUSSOF

UNIT PERHUBUNGAN AWAM

Tahun 2019 diharap akan menunjukkan peningkatan jumlah pelawat ke muzium-muzium dan galeri dalam kawalan Jabatan Muzium-Muzium. Jadual 1 menunjukkan jumlah pelawat bagi lapan muzium dan galeri dari bulan Januari hingga April 2019.

Jumlah lawatan dalam tempoh 4 bulan pertama bagi tahun 2019 ialah 100,056 menunjukkan peningkatan sebanyak 7% berbanding dengan 93,456 bagi tempoh yang sama tahun 2018. Penyumbang tertinggi ialah Muzium Alat Kebesaran Diraja dengan peningkatan berjumlah 6.4%.

Antara pameran-pameran yang diadakan dalam tempoh 4 bulan pertama tahun 2019 ialah Pameran Lakaran BruneiKu Indah, *Islamic Calligraphy and Landscapes* by Ms Shehla Rehman, Comic Art Exhibition 'Kami Orang Brunei', Sebati Dalam Jalinan Warna yang dipamerkan di Muzium Teknologi Melayu dan Galeri Seni. Pameran-pameran ini adalah hasil daripada rangkaian kerja antara Suruhanjaya Tinggi Republik Islam Pakistan di Negara Brunei Darussalam, studio-studio persendirian dan individu yang menggunakan prasarana Jabatan Muzium-Muzium.

DEWAN PAMERAN	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	JUMLAH
MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU	5,725	5,902	6,394	4,901	22,922
MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA	13,530	16,906	14,466	14,804	59,706
TAMAN WARISAN TASEK MERIMBUN	75	249	362	246	932
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM	2,598	2,163	2,733	2,166	9,660
GALERI SUKAN	48	798	62	196	1,104
GALERI SENI	130	729	1,200	1,005	3,064
TAMAN ARKEOLOGI KOTA BATU	356	496	805	346	2,003
MUZIUM DAERAH BELAIT	150	122	218	175	665
JUMLAH LAWATAN	22,612	27,365	26,240	23,839	100,056

Jadual 1: Jumlah pelawat bagi lapan muzium dan galeri dari bulan Januari hingga April 2019.

UNIT PERKHIDMATAN PELAJARAN

Unit ini menyelaras aktiviti sampingan sempena pameran-pameran dan menyelaras program bagi lawatan yang diadakan di jabatan ini serta memberikan tunjuk ajar cara permainan tradisi yang dipohonkan dari jabatan ini.



TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KERAMAIAAN
22 Januari 2019	Lawatan Sambil Belajar Unit Pengajian Melayu Islam Beraja Jabatan Pengajian Am Politeknik Brunei.	Muzium Daerah Belait	45 orang

17 April 2019	Majlis Pelancaran 'Promotion of Brunei River Heritage Trail' Mempamerkan <i>roll-up banner</i> bangunan-bangunan muzium dan jualan buku	Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan	30 orang pelawat
30 April, 1 dan 2 Mei 2019	Aktiviti Pameran Seni Lukis Sebati Dalam Jalinan Warna	Lobi Muzium Teknologi Melayu	




Jadual 2: Aktiviti-aktiviti sampingan sempena pameran-pameran dan menyelaraskan program bagi lawatan yang diadakan di jabatan ini sepanjang Januari hingga April 2019.

TARIKH	AKTIVITI	TEMPAT	KERAMAIAAN
19 Januari 2019	Permainan Dalam Tradisi Brunei Sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Bagi Sekolah Rendah Berakas Garrison.	Sekolah Rendah Berakas Kem	193 orang
29 Januari 2019	Permainan Tradisi bagi Lawatan Sekolah Penaga	Muzium Daerah Belait	38 orang
30 dan 31 Januari 2019	Bengkel Intensif Permainan Pasang	Tingkat 2, Unit Akli, Bangunan Jabatan Pendidikan Kokurikulum	9 orang
24 Februari 2019	Mengendalikan permainan tradisi dan mewarna bagi Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35	Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan	Terbuka kepada orang ramai
27 Februari 2019	Kelas Tunjuk Ajar Permainan Tradisi Brunei kepada Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT)	Pusat Belia, Bandar Seri Begawan	20 orang
16, 20 Mac 2019 dan 6 April 2019	Tunjuk cara Permainan Congkak bagi Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Ukur (BAUKUR)	Bilik Berkat, Tingkat 3, Jabatan Ukur	10 orang pegawai dan kakitangan

	Tunjuk cara dan meminjam barang-barang permainan tradisional sempena Jerayawara Ihtifal 2019 oleh Insurans Islam TAIB General Takaful Sdn Bhd dan Insurans Islam TAIB Family Sdn Bhd (bersama syarikat induknya TAIB dan anak syarikat TAIB, Darussalam Holdings Sdn Bhd)	Atrium, Airport Mall, Berakas.	Terbuka kepada orang ramai
			
22 April 2019	Tunjuk cara Permainan Tradisional sempena Aktiviti Pendidikan bulan Melayu Islam Beraja	Dewan Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah	Murid-murid sekolah rendah
			
23, 24 dan 25 April 2019	Karnival Memperkasa Budaya Membaca oleh Dewan Bahasa dan Pustaka	Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan	Terbuka kepada pelajar dan orang ramai

Jadual 3: Undangan memberikan tunjuk ajar permainan tradisi yang telah dipohonkan ke jabatan ini sepanjang Januari hingga April 2019.

BULAN	PERMOHONAN DALAM DAN LUAR JABATAN	PERMOHONAN SEKOLAH (RENDAH/MENENGAH/ IPT)	LAIN-LAIN (PERSATUAN/MPK/ SYARIKAT SWASTA)	JUMLAH
JANUARI	1	3	0	4
FEBRUARI	1	0	1	2
MAC	1	0	0	1
APRIL	4	1	1	6
			JUMLAH	13

Jadual 4: statistik *outreach program* yang dikendalikan sepanjang bulan Januari hingga April 2019.

LAWATAN SEKOLAH KE DEWAN-DEWAN BANGUNAN MUZIUM

Catatan jumlah keramaian lawatan dari sekolah-sekolah, maktab-maktab serta persatuan dan institusi pengajian tinggi ke dewan dan bangunan muzium dari bulan Januari hingga April 2019 adalah seperti berikut:

BULAN	JANUARI	FEBRUARI	MAC	APRIL	JUMLAH
MUZIUM BRUNEI	MUZIUM BRUNEI DITUTUP SEMENTARA BAGI PEMULIHARAAN BANGUNAN				-NIL-
MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU	319	233	313	304	1,169
MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA	79	115	289	307	790
TAMAN WARISAN TASEK MERIMBUN	32	0	16	193	241
GALERI SENI	0	149	136	82	285
GALERI SUKAN	0	402	0	167	569
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM	209	66	341	129	745
PUSAT INFORMASI TAMAN ARKEOLOGI KOTA BATU	0	49	231	0	280
MUZIUM DAERAH BELAIT	68	0	86	25	179
JUMLAH KESELURUHAN					3,636

Jadual 5: kunjungan lawatan penuntut-penuntut sekolah / maktab / institusi ke bangunan muzium-muzium bagi bulan Januari hingga April 2019.

UNIT PENERBITAN DAN PEMASARAN

Pada 28 dan 29 Januari 2019, Unit Penerbitan dan Pemasaran menyertai pameran dan jualan buku bertempat di ruang legar, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam.

Pada 27 Februari hingga 7 Mac 2019, unit ini menyertai Pesta Buku Brunei 2019 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. Tema pesta buku pada tahun ini ialah "Lestari Buku Era Digital". Pada tahun ini juga, sebanyak lima buah buku baharu diterbitkan, iaitu *Mengakas Yang Terpendam: Pengenalan Umum Tentang Arkeologi, Permainan Tradisional Masyarakat Brunei Darussalam Secara Umum, Penyelidikan Budaya, Warisan dan Sejarah, Buku Aktiiviti Masa Tambahan, dan Abu Nawas: Hiburan dan Sindiran*.



Pada 12 hingga 14 Februari 2019, unit ini menyertai jualan buku sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi tahun 1440H / 2019M bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Turut sama menyertai jualan buku ialah Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Musabaqah tahun ini diisikan dengan pameran dan jualan produk kraf tangan mualaf, Unit



Pengupayaan Mualaf, Bahagian Pembangunan Mualaf, Pusat Da'wah Islamiah, Pameran Kaligrafi Islam dari Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, dan Jualan Kain Tenunan Syarikat Little Ummi.



Pada 24 Februari 2019, unit ini menyertai jualan buku bagi menyemarakkan lagi acara Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan sempena sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-35 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Selain jualan buku terbitan jabatan, pelbagai pameran dan aktiviti disediakan untuk orang ramai seperti pameran lukisan dari Bahagian Galeri Seni, permainan *cube puzzle* dan *snake & ladder* dari Bahagian Arkib Negara Brunei Darussalam, aktiviti mewarna bagi kanak-kanak serta demonstrasi permainan tradisi seperti lompat getah, pasang, congkak, salok-salokan dan buah lapas-lapas dari Unit Perkhidmatan Pelajaran, Bahagian Media dan Pendidikan.

Manakala pada 3 April 2019, unit ini menyertai jualan buku di Majlis Sambutan Isra' Mikraj Peringkat Negara 1440H bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Bahagian ini juga turut menyertai pameran dan jualan buku di Majlis Promosi 'Jejak Warisan Sungai Brunei' (*Brunei River Heritage Trail*) pada 17 April 2019 bertempat di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan. Promosi ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan Brunei dalam mempromosi dan mempamerkan produk-produk pelancongan yang terdapat di negara ini. Pakej pelancongan Jejak Warisan tersebut mempamerkan Sungai Brunei sebagai destinasi tarikan pelancong.



Pada 23 hingga 25 April 2019, Awang Haji Mahrin bin Haji Abas, Dayang Erna binti Omar, Awang Hashim bin Haji Masri, Dayang Noorhayati binti Haji Masri, Dayang Hajah Zaliha binti Mudim Haji Metusin, Dayang Rafeah binti Haji Ahmad, Dayang Zaleha binti Mat Noor, Awang Haji Zainudin bin Haji Ibrahim, Awang Haji Roslee bin Haji Abdullah, Awang Rudin bin Haji Mohammad dan Awang Ahmad Kashranuddin bin Haji Tuah bertugas menunjuk cara permainan tradisi dan jualan buku sempena Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2019 (Hari Buku Sedunia), anjuran Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka bertempat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Dayang Erna binti Omar, Pegawai Penerbitan di Unit Penerbitan dan Pemasaran, Jabatan Muzium-Muzium bersama wakil dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Muscat 2019 ke-24, bertempat di Oman Convention and Exhibition Centre (OCEC). Penyertaan pesta buku ini disertai Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan atas dasar Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Kesultanan Oman. Tiga jabatan di bawah kementerian ini mewakili bagi pihak kementerian setiap tahun secara bergilir-gilir iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Pusat Sejarah Brunei, dan Jabatan Muzium-Muzium. Penyertaan tahun ini diwakili Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Muzium-Muzium.

## Bahagian Perpustakaan

OLEH: AMALINA QAYYIMAH BINTI HAJI KASSIM

Pada 9 Januari 2019, Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium telah menerima kedatangan seorang penyelidik dari United Kingdom; Barbie Campbell Cole, yang sedang menjalankan penyelidikan mengenai sejarah awal perdagangan di Kepulauan Borneo, fokus dalam memahami sejarah dan budaya manik-manik Borneo.



Pada 26 Januari 2019, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berserta lima orang pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, mengadakan lawatan ke Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium, penerangan mengenai perpustakaan disampaikan oleh Dayang Hajah Rosmina binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Perpustakaan selaku Ketua Bahagian Perpustakaan.

Tiga orang pegawai dan kakitangan dari Bahagian Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, menjalani kursus penempatan bertugas di Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium selama tiga bulan di sebelah petang bermula 11 Mac 2019. Tujuan kursus penempatan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan bahan-bahan Akta Pemeliharaan Buku-Buku 1967, Edisi Semakan 1984. Kursus disampaikan oleh Dayang Hajah Rosmina binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Perpustakaan.

Pada 16 April 2019, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; Awang Suip bin Haji Abdul Wahab berserta 10 orang pegawai dan kakitangan Bahagian Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, membuat lawatan ke Perpustakaan Jabatan Muzium-Muzium. Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat mengenai Bahagian Perpustakaan disampaikan oleh Dayang Hajah Rosmina binti Haji Abdul Rahman, Pegawai Perpustakaan selaku Ketua Bahagian Perpustakaan.



## Lawatan -Lawatan

### MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM



24 Januari 2019, Unit Pengajian Melayu Islam Beraja, Jabatan Pengajian Am Politeknik, seramai 130 orang termasuk 5 orang pensyarah.



30 Januari 2019, 20 orang Mahasiswa dan Mahasiswi daripada Global Discovery Programme (GDP) yang mengambil Discover Brunei Course di Universiti Brunei Darussalam selama sebulan yang terdiri dari Mahasiswa dan Mahasiswi dari Negara Japan dan Korea.



14 Mac 2019, 20 orang yang mengikuti kursus pemandu pelancong dari Laksamana College of Business.



25 April 2019, rombongan Delegasi Hashemite Kingdom of Jordan iaitu yang menghadiri *1<sup>st</sup> Joint Defence Working Committee Meeting between Brunei Darussalam and Hashemite Kingdom of Jordan* yang dikendalikan oleh Kementerian Pertahanan.

13 Mac 2019, lawatan sambil belajar seramai 30 orang penuntut daripada IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, School of Hospitality and Tourism.

28 Mac 2019, peserta bengkel National Legal Workshop for Brunei Darussalam on the Implementation of the Chemical Weapons Convention, Kementerian Pertahanan ke Muzium Maritim Brunei Darussalam.

9 April 2019, 55 orang murid daripada Sekolah Rendah Tutong Kem, Tutong I.

**MUZIUM TEKNOLOGI MELAYU**

24 Januari 2019, lawatan sambil belajar seramai 130 orang penuntut dan 5 orang pensyarah Politeknik Brunei, Unit Pengajian Melayu Islam Beraja.

13 Mac 2019, 30 orang penuntut daripada IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal, School of Hospitality and Tourism.

14 Mac 2019, penuntut Laksamana College of Business.

**MUZIUM DAERAH BELAIT**

27 April 2019, 90 orang murid dan 5 orang guru pengawas Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut II.

**ARKIB NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

15 Februari 2019, 60 orang dan 2 orang pegawai pelatih PKBN.

**TAMAN WARISAN TASEK MERIMBUN**

10 Mac 2019, Kelab Hiking Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

**GALERI SENI**

9 April 2019, 45 orang guru Sekolah Rendah Jerudong, Kluster 2.

**MUZIUM ALAT KEBESARAN DIRAJA**



Puan Yang Terutama Kang Kyung Wha, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Korea pada 13 Januari 2019.



Yang Berhormat Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertahanan Malaysia pada 25 Januari 2019.



1 Februari 2019, Admiral Yutaka Murakawa, Chief of Staff Japan Maritime Self-Defense Force bersama isteri.



19 Februari 2019, Puan Yang Terutama Valentina Matviyenko, Chairperson of the Federation Council of the Federal Assembly of the Russian Federation.



26 Februari 2019, His Excellency Ali Khalfan Al Jabri, Undersecretary of Minister Information, Sultanate of Oman.



25 April 2019, Bridger General Abdallah Hunaiti, Hashemite Kingdom of Jordan.



8 April 2019, Mrs Gina Yip, isteri Tuan Yang Terutama Mejar Jeneral Mervyn Tan, Mantan Ketua Turus Tentera Udara Republik Singapura.



29 April 2019, His Excellency Hunter James Nottage, New Zealand High Commissioner to Brunei.

5 Mac 2019, peserta Bilateral Defence Talks Negara Brunei Darussalam dan New Zealand.

11 Mac 2019, Tuan Yang Terutama Moon Jae-In, Presiden Republik Korea dan isteri, Puan Kim Jung-Sook.

16 Mac 2019, penuntut Laksamana College of Business.

9 April 2019, 55 orang murid daripada Sekolah Rendah Tutong Kem, Tutong I.

23 April 2019, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina, Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh.

#### **PUSAT INFORMASI, TAMAN ARKEOLOGI KOTA BATU**

14 Mac 2019, 20 orang yang mengikuti kursus pemandu pelancong dari Laksamana College of Business.

14 Mac 2019, penuntut Laksamana College of Business.

19 Mac 2019, 30 pelajar dari Group A, dan 30 pelajar dari Group B Seri Mulia Sarjana International School mengikuti program "Discover Archaeology" dengan membuat aktiviti penggalian.



#### **PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN MUZIUM-MUZIUM YANG MENGHADIRI KURSUS, SEMINAR, BENGKEL**

DISELARASKAN OLEH: UNIT PERHUBUNGAN AWAM  
BAHAGIAN MEDIA DAN PENDIDIKAN  
JABATAN MUZIUM-MUZIUM



Awang Haji Raduan bin Haji Ratu, Penolong Penyunting Tingkat II dan Awang Haji Bahrin bin Haji Bolhassan, Pegawai Penyelidik, menghadiri bengkel Penyuntingan Disertasi Ke Buku pada 7-9 Januari 2019 bertempat di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Dayang Hajah Nur Kamilah binti Haji Ismail, Pegawai Arkeologi, menghadiri kursus Teknik Penyediaan Laporan dan Kertas Kerja pada 21-24 Januari 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Awang Amirul Shukri bin Haji Hafneh, Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, Kurator Etnografi, dan Pengiran Norazah binti Pengiran Haji Muhammad, Pegawai Etnologi menghadiri bengkel "ASEAN - Korea Tourism Capacity Building Workshop," pada 31 Januari 2019 bertempat di Mutiara Ballroom, The Radisson Hotel, Bandar Seri Begawan.

Awang Haji Mohammad Hanif bin Haji Norrawi, Kurator Pameran menghadiri kursus Fiqh As Shalah pada 11-14 Februari 2019 bertempat di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Dayang Normaya binti Hussin, Atendan Perpustakaan menghadiri Bengkel Media and Digital Literacy Workshop pada 12-13 Februari 2019 bertempat di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Muara.

Dayang Noradah binti Haji Nasir, Pegawai Kerja menghadiri kursus Policy Monitoring & Evaluation pada 25-28 Februari 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Faridah binti Muhaimin, Pembantu Muzium, Dayang Noorashikin binti Haji Yaakub, Kerani dan Dayang Hasfa Shahedah binti Haji Mohamad, Pekerja Tingkat II menghadiri kursus Penyediaan Efisen Dokumen Melalui Mailmerge pada 13-14 Februari 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Dayang Mariani binti Haji Abu Bakar, Pegawai Perhubungan Awam dan Awang Mohammad Irwandi bin Awang Latip, Pembantu Pelukis menghadiri kursus Fiqh Al Jenayat pada 4-7 Mac 2019 bertempat di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Dayang Ernifarina Nonymarsuzi binti Haji Hamidon/Mitun, Kerani menghadiri kursus Fiqh As Shiam pada 11-14 Mac 2019 bertempat di Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah.

Awang Haji Mohammad Hanif bin Haji Norrawi, Kurator Pameran dan Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, Kurator Etnografi menghadiri Bengkel Penerbitan Video Pendek pada 26 hingga 30 Mac 2019 bertempat di Pusat Perkembangan Penyiaran RTB, Lambak Kanan.

Awang Muhammad Khairun Hazim bin Haji Mat Sani, Kurator Etnografi menghadiri Taklimat Undang-Undang Am Negara Brunei Darussalam dan Taklimat Perlembagaan Negara Brunei Darussalam pada 1 April 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

**TAKLIMAT PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH**

6 Mac 2019, Program Pendidikan Pencegahan Dadah di tempat kerja anjuran Biro Kawalan Narkotik. Taklimat diadakan di Dewan Teater PM Dato Shariffuddin, Bangunan Arkib Negara. Program ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan meningkatkan kefahaman serta kesedaran tentang kesan-kesan dan hukuman-hukuman bagi yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Taklimat disampaikan oleh Awang Haji Zulhamaizi bin Haji Hamid, dari Cawangan Pendidikan Pencegahan Dadah. Isi kandungan taklimat termasuklah penerangan mengenai beberapa jenis dadah yang didapati di negara ini dan kesan negatifnya terhadap penagih, latar belakang Biro Kawalan Narkotik, dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Biro Kawalan Narkotik.

Pameran mini juga diadakan di ruang legar Bangunan Arkib Negara Brunei Darussalam yang mempamerkan sebahagian barang rampasan berkaitan pengambilan dadah terkawal, peralatan untuk kegunaan menghisap dadah serta contoh dadah yang sering disalahgunakan di negara ini.



**TAKLIMAT DARI BIRO MENCEGAH RASUAH**

9 April 2019, taklimat dari Biro Mencegah Rasuah bertajuk 'Integriti Dalam Menangani Rasuah' yang disampaikan oleh Penyiasat Khas Kanan Unit Pencegahan, Bahagian Perancangan dan Perkembangan Integriti, bertempat di Dewan Teater PM Dato Shariffuddin, Bangunan Arkib Negara. Taklimat mengandungi peranan dan tanggungjawab serta latar belakang Biro Mencegah Rasuah, definisi rasuah dan cara untuk menanganinya, pengendalian hadiah dalam perkhidmatan awam, dan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah (Penggali 131).

**MAJLIS KEAGAMAAN**

Pada 11 April 2019, Majlis Sambutan Isra' dan Mikraj, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta jabatan-jabatan di bawahnya bagi tahun 1440H/2019M bertempat di Tingkat I, Dewan Digadong, Bangunan KKBS.



**MAJLIS**

Majlis Perasmian Pameran Lukisan 'Lakaran-Brunei Ku Indah' sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, dengan kerjasama Brunei Art Forum pada 16 Februari 2019, bertempat di Galeri Seni, Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.



Majlis Perasmian Pameran 'Art to Heart' 2<sup>nd</sup> All Women Artist Art Exhibition 2019" oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 22 Mac 2019 bertempat di Galeri Seni, Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.



Majlis Perasmian Pameran 'Beautiful Pakistan Art & Culture Exhibition' oleh Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 24 Mac 2019 bertempat di Muzium Teknologi Melayu.



Majlis Perasmian Pameran Seni Lukis Sebati Dalam Jalinan Warna 2019 oleh Yang Mulia Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 27 April 2019 bertempat di ruang lobi, Muzium Teknologi Melayu.



Comic Art Exhibition, anjuran The Birdhouse Studio diadakan di Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan, pada 19 hingga 23 April 2019.



Doodles and Colors, pameran solo Nazurah Usop diadakan di Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan pada 26 April hingga 20 Mei 2019.

**MUZAKARAH ARTIS PAMERAN BEAUTIFUL PAKISTAN ART & CULTURE EXHIBITION**

Muzakarah yang telah disampaikan oleh artis lukisan, Shehla Rehman dari Republik Islam Pakistan sempena pameran lukisan yang telah berlangsung di Muzium Teknologi Melayu bertajuk 'Beautiful Pakistan Art & Culture Exhibition'. Muzakarah diadakan pada 25 Mac 2019 bertempat di Galeri Seni Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

**PEMANGKU PENGARAH MUZIUM-MUZIUM  
PEMANGKU TIMBALAN PENGARAH MUZIUM-MUZIUM  
KETUA-KETUA BAHAGIAN  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
JABATAN MUZIUM-MUZIUM**

mengucapkan

*Selamat Datang*

kepada

AWANG MOHAMMAD RIZAN BIN HAJI MD NOOR

Pembantu Serangga di Bahagian Ilmu Kejadian, melapor pada 9 Januari 2019

AWANG HAJI MOHAMMAD FAIZ BIN HAJI SALLEH

Penyelia Pejabat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, melapor pada 4 Mac 2019

*Tahniah*

kepada

DAYANG NURUL HAFIZAH BINTI MD. NORARIFFIN

Pembersih di Muzium Alat Kebesaran Diraja, telah dinaikkan pangkat sebagai Penyelenggara Stor Tingkat III di Kementerian Pertahanan

**PEMANGKU PENGARAH MUZIUM-MUZIUM  
PEMANGKU TIMBALAN PENGARAH MUZIUM-MUZIUM  
KETUA-KETUA BAHAGIAN  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN  
JABATAN MUZIUM-MUZIUM**

mengucapkan

*Penghargaan dan Terima Kasih*

kepada

DAYANG HAJAH RAMLAH BINTI HAJI ABU BAKAR  
telah berkhidmat di jabatan ini sebagai Pembantu Pendaftar  
mulai 1 Februari 1989 hingga 14 Mac 2019

AWANG MOHD SHAHLAN BIN ABDULLAH  
telah berkhidmat di jabatan ini sebagai Buruh  
mulai 24 Disember 1986 hingga 14 Mac 2019


DAYANG AINI BINTI JAIS  
telah berkhidmat di jabatan ini sebagai Atendan Dewan  
mulai 19 Ogos 1987 hingga 29 Mac 2019

AWANG HANAPI BIN HAJI MAIDIN  
telah berkhidmat di jabatan ini sebagai Pegawai Muzium Kanan  
mulai 27 November 1985 dan menamatkan perkhidmatannya pada 1 Januari 2019

PENGIRAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN  
PENGIRAN SERI WIJAYA PENGIRAN HAJI AHMAD  
telah berkhidmat di jabatan ini sebagai Penolong Penyelidik Arkeologi Kanan  
mulai 12 Julai 1989 dan menamatkan perkhidmatannya pada 1 Januari 2019



# TERBITAN BAHARU



## Abu Nawas: Hiburan dan Sindiran


Kandungan buku ini merupakan “sastera bandingan” dua buah cerita rakyat Abu Nawas yang diterbitkan dalam dua buah buku berlainan. Buku Pertuturan I terbitan Jabatan Muzium-Muzium Brunei (2005) bertajuk “Abu Nawas Menjadi Raja” dengan buku Hikayat Abu Nawas (1966) bertajuk “Abu Nawas Jadi Raja Sa-sa’at Saja”.

\$9.00

58 pages, 150mm x 240mm

ISBN: 978-99917-30-84-4

Bahasa Melayu



## Masa Tambahan

Buku Mewarna mengenai sukan-sukan yang telah dipertandingkan semasa Sukan Asia Tenggara yang diadakan di Brunei Darussalam pada tahun 1999. Penerbitan buku ini sekali gus bertujuan untuk mempromosi salah satu galeri yang terdapat di bawah kawalan Jabatan Muzium-Muzium iaitu Galeri Sukan Negara Brunei Darussalam yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

\$1.80

24 pages, 210mm x 297mm

ISBN: 978-99917-30-87-5

Bahasa Melayu

Boleh diperolehi di  
Unit Penerbitan dan Pemasaran  
Bahagian Media dan Pendidikan  
Jabatan Muzium-Muzium  
Tingkat 1, Bangunan Arkib Negara  
dan  
Kedai Cenderamata  
Muzium Alat Kebesaran Diraja  
Bandar Seri Begawan

PANTAU AYAM (KAYU BALIK ANGIN)



جايڤن موزيومان

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM**  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM